

SOALAN – SOALAN LAZIM LESEN PEKERJA ASING-LPA (FAQS)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Apa yang dimaksudkan dengan LPA?	LPA bermaksud Lesen Pekerja Asing. Ia merupakan proses baru yang diperkenalkan di Jabatan Buruh bagi permohonan mendapatkan kebenaran mendatangkan pekerja asing untuk berkhidmat di sesebuah syarikat. Secara ringkasnya, proses ini adalah Penggabungan Lesen dan Sokongan Pas Kerja dan mentiadakan sistem kouta yang lazimnya digunakan.
2	Bilakah permohonan LPA dikuatkuasakan?	Permohonan LPA akan dikuatkuasakan secara berperingkat seperti berikut: 1. Fasa Pertama pada 01hb Oktober 2016 – Permohonan lesen baru. 2. Fasa Kedua pada 01hb Januari 2017 – Permohonan tambahan Lesen /pekerja. 3. Fasa Ketiga pada 01hb April 2017 – Permohonan membaharui Lesen dan Pertukaran Kontrak (Transfer).
3	Siapakah yang boleh memohon mendapatkan LPA?	Kepada semua majikan yang berhasrat untuk menggambil dan mengaji pekerja asing kecuali majikan Perkhidmatan Rumah Tangga (Amah)
4	Adakah saya perlu mendaftar ke dalam LCS terlebih dahulu sebelum membuat permohonan?	Tidak perlu.
5	Adakah LPA hanya diterhadkan kepada beberapa jenis kegiatan?	LPA merangkumi semua jenis kegiatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh kecuali perkhidmatan rumah tangga (Amah).
6	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan borang untuk memohon LPA?	Borang LPA boleh diperolehi di Aras Bawah Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan dan mana-mana cawangan Jabatan Buruh di setiap Daerah dan juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Buruh www.labour.gov.bn
7	Siapakah yang dibenarkan untuk menghadapkan permohonan LPA?	Bagi setiap permohonan LPA bagi pekerja baru hendaklah melalui agensi pekerjaan yang berlesen di Jabatan Buruh. Manakala mana-mana permohonan membaharui/ <i>transfer</i> boleh dibuat dan dihadapkan oleh majikan sendiri atau wakil majikan yang telah diberi kuasa atau agensi pekerjaan yang berlesen.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
8	Adakah saya perlu mendapatkan pengesahan atau kebenaran daripada agensi – agensi kerajaan bagi kegiatan syarikat yang akan saya jalankan?	Ya, bagi kegiatan – kegiatan yang memerlukan pengesahan atau kebenaran sebagai contoh jika majikan hendak membuka klinik kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Kementerian Kesihatan sebelum menghadapkan Permohonan LPA ke Jabatan Buruh
9	Dimanakah tempat untuk menghadapkan borang permohonan LPA dan seterusnya membuat permohonan visa bagi pekerja-pekerja yang dibenarkan dalam LPA?	Permohonan yang lengkap bolehlah dihadapkan di kaunter-kaunter seperti berikut: a) Kaunter 5 – Permohonan Visa Pekerja Baru (syarikat) Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. b) Kaunter 6 – Permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) Jabatan Buruh c) Manakala bagi permohonan di cawangan-cawangan bolehlah menghadapkan permohonan LPA di kaunter yang telah disediakan.
10	Berapa lamakah tempoh proses bagi mendapatkan keputusan LPA dan adakah tempoh tersebut termasuk pemeriksaan?	TPOR bagi mendapatkan keputusan LPA adalah tujuh (07) hari waktu bekerja TPOR ini adalah tidak termasuk bagi Kegiatan Pembinaan yang mana adalah dua puluh (20) hari waktu bekerja
11	Bilakah pemeriksaan ke atas premis/ tempat kegiatan dijalankan?	Pemeriksaan hanya akan dijalankan ke atas premis/ tempat kegiatan selepas 03 – 06 bulan LPA dikeluarkan/diluluskan. Bagi Kegiatan Pembinaan pemeriksaan akan dijalankan sebelum dan selepas LPA dibenarkan/diluluskan
12	Adakah sebarang bayaran dikenakan sewaktu membuat permohonan LPA?	Tidak ada sebarang bayaran/yuran dikenakan.
13	Bilakah saya perlu membuat pembayaran wang taruhan bagi kebenaran LPA?	Pembayaran perlu dibuat setelah kebenaran LPA dikeluarkan dengan melalui 3 kaedah: 1) Wang Taruhan Tunai 2) Bank Guarantee 3) JITPA (Jaminan Insuran Takaful Pekerja Asing)
14	Apakah yang dimaksudkan dengan NTA?	NTA atau Nisbah Tempatan Asing adalah mekanisma yang digunakan oleh Jabatan Buruh dalam memberikan kebenaran Lesen Pekerja Asing yang mana ianya adalah nisbah diantara pekerja tempatan dan asing di dalam syarikat mengikut industri yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan dipersetujui oleh Agensi-Agensi kerajaan yang berkenaan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
15	Bolehkah saya memohon LPA sedangkan saya belum menggaji pekerja tempatan/ sukar untuk memperolehi pekerja tempatan?	Majikan mestilah mendaftar dan mengiklankan jawatan-jawatan kosong di APTK melalui Job Centre atau kaunter khas APTK iaitu Kaunter 4, Aras Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh dan seterusnya mendapatkan pengesahan sebelum membuat permohonan LPA.
16	Jika pekerja tempatan tidak lagi bekerja dengan syarikat saya, adakah jumlah pekerja asing akan dikurangkan?	Pengurangan tidak akan diambil serta merta majikan akan diberikan peluang untuk mengisikan NTA dengan pekerja tempatan.
17	Adakah pekerja tempatan yang melebihi umur 55 tahun ke atas dan tidak mempunyai akaun TAP termasuk dalam pengiraan NTA?	Ya. Pengiraan nisbah adalah termasuk dalam pengiraan NTA walaupun pekerja tempatan tersebut lebih umur.
18	Bolehkah mana-mana syarikat yang tidak berdaftar di ROCBN memohon untuk mendapatkan LPA?	Tidak boleh. Mana-mana syarikat hendaklah berdaftar di ROCBN terlebih dahulu. Manakala bagi Agensi Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Persatuan-Persatuan atau FDI hendaklah mendapatkan sokongan dari Agensi - Agensi Kerajaan yang berkenaan sebelum membuat permohonan LPA.
19	Berapa lamakah tempoh kebenaran LPA diberikan?	Kebenaran LPA adalah dua (02) tahun bagi setiap pekerja baru. Manakala bagi pekerja sedia ada (<i>transfer</i>) adalah tertakluk kepada tempoh keberadaan pekerja tersebut di negara ini.
20	Saya telah mendapatkan LPA dan pemeriksaan dijalankan. Apakah tindakan yang akan diambil, jika semasa pemeriksaan mendapati kegiatan syarikat saya tidak beroperasi kerana belum ada pekerja asing atau pekerja-pekerja yang dipohonkan belum datang?	Tidak ada tindakan akan diambil ke atas mana-mana syarikat yang tidak beroperasi kerana belum ada pekerja asing atau pekerja-pekerja yang dipohonkan belum datang.
21	Apakah yang menyebabkan LPA ditarik balik?	Terdapat beberapa sebab LPA ditarik balik. Di antara sebabnya adalah: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sabit kesalahan dibawah undang – undang perburuhan dan peraturan – peraturan yang dibuat dibawahnya; 2. Kegiatan yang dijalankan tidak selaras dengan Kebenaran LPA yang diberikan; 3. Premis dan kegiatan syarikat tidak wujud; 4. Tidak beroperasi Setelah LPA ditarik balik, pekerja asing di bawah jaminan syarikat tersebut hendaklah dipulangkan ke negara asal atas perbelanjaan majikan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
22	Saya mempunyai Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan ingin membaharui lesen tersebut namun lesen yang sedia ada tidak dipenuhi dan digunakan sepenuhnya. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Buruh?	Mulai 1hb April 2017, Semasa majikan membaharui lesen pengambilan pekerja asing, semua lesen yang sedia ada akan ditukar kepada LPA. Kebenaran pengambilan pekerja asing hanya akan diberikan mengikut senarai pekerja yang dihadapkan yang ada dalam jaminan majikan. Baki kuota yang tidak digunakan akan ditiadakan.
23	Bagi permohonan membaharui dan tambahan, adakah saya perlu mengiklankan jawatan-jawatan yang dipohonkan dalam LPA ke APTK terlebih dahulu?	Ya. Majikan mestilah mendaftar dan mengiklankan jawatan-jawatan tersebut di APTK.
24	Bagaimanakah cara untuk memohon tambahan kuota?	Selepas LPA dikuatkuasakan, tidak ada istilah proses tambahan kuota pada masa akan datang. Majikan bolehlah membuat permohonan tambahan pekerja melalui proses LPA iaitu proses yang sama dengan permohonan pekerja baru LPA. Walaubagaimanapun, permohonan tambahan pekerja/Lesen bagi proses LPA hanya akan bermula pada 1 Januari 2017.
25	Bolehkah pekerja asing jaminan syarikat lain diambil bekerja di syarikat baru yang hendak memohon mendapatkan LPA?	Tiada halangan bagi majikan baru untuk mengambil pekerja asing di bawah jaminan syarikat lain melalui proses pertukaran kontrak (transfer) namun kebenaran adalah tertakluk kepada nisbah tempatan/asing (NTA), kelayakan dan lain-lain. Walaubagaimanapun Permohonan transfer LPA akan bermula pada 1hb April 2017.
26	Saya telah mendapat kebenaran LPA. Dalam tempoh lima (05) bulan, pekerja asing yang dibenarkan ingin balik ke negara asal atau dibatalkan dari jaminan saya. Bagaimanakah cara untuk membatalkan pekerja asing tersebut?	Majikan hendaklah pembuat pembatalan pas kerja pekerja di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sepertimana lazimnya. Dalam pada itu bagi pekerja yang belum sampai ke Negara ini, majikan hendaklah mengisi satu borang khusus yang akan disediakan iaitu Borang Pembatalan LPA.
27	Borang permohonan hanya boleh memuatkan lima (05) orang pekerja asing sedangkan pekerja asing yang hendak didatangkan adalah lebih dari jumlah tersebut, Bagaimana caranya?	Pemohon bolehlah menggunakan borang permohonan yang lain (borang tambahan) lagi sebagai tambahan.
28	Apakah implikasi kepada LPA jika majikan tidak membatalkan pas kerja pekerja asing di dalam jaminannya?	Jika pekerja asing tersebut belum dibatalkan jaminannya ianya akan masih termasuk dalam pengiraan jumlah pekerja secara keseluruhan syarikat berkenaan. Ini bermaksud jumlah keseluruhan pekerja tersebut akan digunakan dalam pengiraan NTA dan seterusnya berapa jumlah pekerja asing yang berhak/layak digaji oleh majikan. Oleh yang demikian majikan mestilah membatalkan pas kerja bagi pekerja asing yang tidak lagi bekerja bersama majikan dengan serta merta.